



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



ANALISIS TERJEMAHAN MELAYU BERKAITAN EMOSI SEDIH DALAM MAJDULIN KARYA AL-MANFALUTI

ANALYSIS OF THE MALAY TRANSLATION RELATED TO SADNESS IN MAJDULIN BY AL-MANFALUTI

Wan Moharani Mohammad^{1*}, Nurhasma Muhamad Saad², Muhammad Marwan Ismail³

¹ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Email: moharani@usim.edu.my

² Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Email: nurhasma@usim.edu.my

³ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Email: marwanismail@usim.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2023

Revised date: 28.04.2023

Accepted date: 15.06.2023

Published date: 28.06.2023

To cite this document:

Mohammad, W. M., Saad, N. M., & Ismail, M. M. (2023). Analisis Terjemahan Melayu Berkaitan Emosi Sedih Dalam Majdulin Karya Al-Manfaluti. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 664-677.

DOI: 10.35631/IJEPC.850047

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Karya sastra antara lainnya merupakan luahan perasaan seorang sasterawan. Justeru luahan perasaan atau emosi banyak diperhatikan dalam hasil sastra. Terjemahan unsur emosi dalam karya sastra pula memerlukan usaha yang gigih dan pemerhatian yang teliti bagi menyampaikan maksud penulis asal ke bahasa sasaran. Novel Majdulin karya Mustafa Lufti al-Manfaluti, seorang sasterawan Arab moden terkemuka berjaya mempersembahkan pelbagai unsur emosi kepada pembaca. Al-Manfaluti dikenali sebagai *al-Adib al-Hazin* (sasterawan sedih). Artikel ini bertujuan menganalisis terjemahan Melayu berkaitan emosi sedih yang terdapat dalam novel tersebut. Artikel ini berteraskan kajian kualitatif, analisis deskriptif dan bandingan. Sampel kajian adalah terjemahan Melayu bagi teks terpilih berkaitan dengan emosi sedih dalam novel tersebut. Artikel ini antara lainnya, memanfaatkan pandangan sarjana Islam berkenaan emosi sedih serta prosedur terjemahan Vinay Darbelnet. Didapati bahawa pelbagai prosedur terjemahan dapat dilihat dalam terjemahan berkaitan emosi tersebut dalam novel ini. Diharapkan agar terjemahan sastra mengambil manfaat daripada prosedur terjemahan sebegini khususnya dalam penterjemahan berkaitan aspek emosi sedih.

Kata Kunci:

al-Manfaluti, Arab-Melayu, Emosi, Majdulin, Sedih, Terjemahan

Abstract:

Expression of feelings can be found in a writer's literary works. As a result, the expression of feelings or emotions is common in literary works. The translation of emotional aspects in literary works requires a great deal of effort and careful observation in order to convey the original author's meanings to the target language. Majdulin, a novel by Mustafa Lufti al-Manfaluti, a well-known modern Arab literary writer, manages to present the reader with a variety of emotional aspects. In his literary works, Al-Manfaluti is noted for expressing sadness. This article aims to analyze the Malay translation of the sadness elements found in the novel. This article is based on a qualitative study, descriptive and comparative analysis. The study's samples are selected texts from the Malay translation of Majdulin that are related to sadness. This article benefits from the perspective of muslim scholars on sadness, as well as the translation procedures of Vinay & Darbelnet. It is found that different translation procedures can be seen in the translation of texts related to sadness in this novel. It is hoped that literary translations use such translation procedures, especially when dealing with the aspect of sadness.

Keywords:

al-Manfaluti, Arabic-Malay, Emotion, Majdulin, Sadness, Translation.

Pengenalan

Usaha penterjemahan memainkan peranan yang penting dalam pembinaan tamadun Ummah. Terjemahan sesuatu karya sastera merupakan suatu isu yang sering dibincangkan dalam terjemahan. Puteri Roslina Abdul Wahid (2012, hlm.163) antara lainnya menyatakan akan keperluan penterjemah karya sastera kepada “pembacaan yang luas”, “penelitian yang tajam” serta “disiplin yang tinggi”. Ini kerana penterjemah menghadapi pelbagai cabaran dan kesukaran khususnya dalam usaha menghasilkan karya sasaran yang bermutu tinggi setanding dengan karya asal dalam bahasa sumber itu sendiri (Nurhasma, 2022). Salah satu perkara penting dalam terjemahan ialah pemilihan padanan perkataan yang sesuai dan boleh difahami dalam bahasa sasaran. Menurut Goh Sang Seong (2016, hlm. 28) “Pencarian padanan dapat dikenal pasti pada peringkat perkataan, frasa atau ayat. Hal ini bergantung kepada konteks teks sumber”. Novel Majdulin adalah karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti. Beliau merupakan tokoh sasterawan Arab Mesir yang terkenal dengan gaya bahasanya yang bermutu tinggi sama ada daripada segi bentuk (*alshakl*) mahupun tema atau isi (*mawdu'*) (Shawqi Dayf, 1992). Ia telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa. Terjemahan novel ini ke bahasa Melayu diusahakan oleh oleh Adli Yaacob. Objektif artikel ini ialah menganalisis terjemahan Melayu berkaitan emosi sedih yang terdapat dalam novel tersebut.

Tinjauan Literatur

Terdapat empat perkara yang akan dibincangkan dalam tinjauan literatur iaitu berkaitan emosi sedih, prosedur terjemahan Vinay dan Darbelnet, Mustafa Lufti al-Manfaluti dan novel Majdulin.

Emosi Sedih

Daripada segi bahasa, sedih dalam bahasa Melayu bermaksud “sedan, sedu: tangis dan ~; tersedih-sedih tersedan-sedan, tersedu-sedu, teresak-esak” (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010, hlm. 1408). Dalam bahasa Arab ia boleh diterjemahkan antara lainnya kepada الحزن

dalam bentuk masdar. Kata kerjanya ialah حزن-يحزن (Abu Abdullah Hanafi bin Dollah, 2006, hlm.122).

Terdapat pelbagai kajian dilakukan oleh pengkaji di Malaysia berkaitan emosi. Azhar (2013, hlm.21) menyatakan bahawa “aspek kecerdasan emosi harus dilihat dalam karya kesusasteraan”. Hasil penulisan beliau “membuktikan kecerdasan emosi terakam dalam karya kesusasteraan”. Manakala Norwardatun dan Siti Mardhiyah (2021, hlm.531) pula menyatakan bahawa kehidupan kita tidak dapat lari daripada ujian serta emosi dan “Di antara emosi yang menjadi tunjang kepada sesebuah ujian adalah kesedihan yang boleh mengakibatkan pelbagai kesan yang tidak diinginkan”.

Tokoh sarjana muslim sama ada yang terdahulu mahupun yang kontemporari banyak membicarakan tentang emosi sedih dalam penulisan mereka. Imam al-Ghazali dalam kitabnya yang terkemuka *Ihya' Ulum al-Din* mengklasifikasikan kesedihan yakni *al-Huzn* kepada dua kategori iaitu kesedihan yang terpuji dan kesedihan yang terkeji. Kesedihan yang terpuji ialah kesedihan insan atas kekurangannya pada perkara yang berkaitan dengan agama serta tangisannya kerana dosa yang dilakukan. Manakala kesedihan terkeji adalah seperti kesedihan terhadap sesuatu kehilangan seperti kehilangan kerana kematian. Dengan kata lain ia lebih berkait dengan perkara yang berkaitan dengan kehilangan berkaitan perkara duniawi.

Ibn Miskawayh dalam kitabnya *Tahzib al-Akhlak wa Tathir al-'Araq* membicarakan rawatan kepada kesedihan dalam tajuk *Ilaj al-Huzn*. Beliau mentakrifkan *al-Huzn* sebagai kesakitan *nafsan* yang berlaku kerana kehilangan yang disayangi atau hilangnya apa yang dicita atau diinginkan.

Dr. `Aidh `Abdullah al-Qarni pula menulis sebuah buku yang amat bermanfaat dan popular iaitu *لا تحزن* bermaksud “Jangan bersedih”. Buku ini ditulis kepada mereka yang dalam kesedihan merasa gelisah dan sempit dalam kehidupan. Buku ini mengandungi banyak pedoman dan panduan bagi jiwa yang merasa sedih dan gundah gulana serta sempit dengan kehidupan.

Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam salah satu khutbah Jumaatnya berkaitan emosi gembira dan sedih pula menyatakan bahawa emosi gembira dan sedih yang merupakan perasaan tabie'i pada manusia. Adakalanya ia gembira dan ada kalanya ia bersedih. Perubahan emosi ini boleh berlaku kerana dalam kehidupan tidak semuanya menggembirakan dan tidak juga semuanya menyedihkan kita. Beliau menjelaskan bahawa insan mukmin yang berakal dan yang berpegang dengan keredaan Allah dan menjauhi kemurkaan Allah, akan berusaha memperindahkan perasaannya dengan neraca yang betul meliputi neraca syarak, neraca akal, neraca akhlak dan neraca masyarakat yang mana ia tidak menyimpang dari jalan yang lurus.

Dalam al-Qur'an al-Karim terdapat ayat-ayat yang berkaitan dengan kesedihan. Antaranya:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ هُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

(Al-Qur'an al-Karim, Surah al-Baqarah, ayat 277)

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beramal salih, dan mengerjakan sembahyang serta memberi zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita” (Sheikh Abdullah Basmeih, 2001, hlm.111)

Dalam ayat ini antara lainnya terdapatnya pengiktirafan bahawa perasaan sedih atau berdukacita itu sememangnya boleh wujud dalam diri manusia. Sayyid Qutb (1412H) dalam tafsirnya *Fi Zilal a-Qur'an* menyatakan bahawa ayat tersebut antara lainnya mengandungi janji Allah kepada orang-orang yang membina kehidupan mereka atas dasar iman, kebaikan, amal ibadat serta tolong menolong yakni Allah akan memberikan ganjaran mereka di sisiNya dan Allah juga berjanji akan menganugerahkan mereka dengan kedamaian dan kebahagiaan hingga mereka tidak merasa bimbang, risau mahupun dukacita atau bersedih.

Prosedur Terjemahan Vinay dan Darbelnet

Dalam penterjemahan, sepertimana yang kita sedia maklum, terdapat pelbagai prosedur yang boleh kita jadikan sebagai panduan dalam menterjemah teks. Vinay dan Darbelnet (1995, hlm.31) sebagai contohnya, mengklasifikasikan prosedur terjemahan kepada dua iaitu 'terjemahan langsung' (*direct translation*) dan 'terjemahan tidak langsung' (*oblique translation*) (Idris 2016, hlm.61).

Terjemahan langsung diklasifikasikan kepada tiga (Idris, 2016,hlm. 61; Vinay & Darbelnet, 1995, hlm.31-40) iaitu:

1. Peminjaman (*borrowing*)
2. Pinjam terjemah (*calque*)
3. Terjemahan literal (*literal translation*)

Terjemahan tidak langsung pula diklasifikasi kepada empat prosedur (Idris, 2016,hlm. 61; Vinay & Darbelnet, 1995, hlm.31-40) iaitu:

1. Transposisi (*transposition*)
2. Modulasi (*modulation*)
3. Persamaan (*equivalence*)
4. Adaptasi (*adaptation*)

Mustafa Lufti al-Manfaluti

Mustafa Lufti al-Manfaluti merupakan sasterawan Mesir yang terkemuka dalam sastera Arab. Beliau dilahirkan di Manfalut, Mesir pada tahun 1876. Al-Manfaluti dikenali sebagai *al-Adib al-Hazin* (sasterawan sedih) (Shawqi Dayf,1992; Sa'id Baabdullah, 2017). Beliau banyak menghasilkan karya-karya yang terkemuka. Antaranya ialah:

- 1.Majdulin
- 2.al-Abarat
- 3.al-Sya`ir
- 4.al-Nazarat
- 5.al-Fadilah
- 6.Fi Sabil al-Taj

Novel Majdulín

Novel Majdulín secara ringkasnya mengisahkan percintaan dua insan yang terhalang oleh keluarga akibat kelaziman adat. Cinta Majdulín terhadap Steven terhalang dek kerana perbezaan darjat Steven yang dianggap tidak setaraf dengan keluarga Majdulín. Steven juga dikatakan tiada mempunyai masa depan yang dapat menjamin kehidupan. Edward, kawan akrab lama Steven dianggap lebih setaraf dan lebih diterima oleh keluarga Majdulín. Maka berlakulah konflik cinta segi tiga yang mengorbankan Steven. Namun sebagai insan yang waras, Majdulín dan Steven dikatakan menerima ketentuan takdir ini dengan terbuka (al-Manfaluti, 2020; Osman Haji Khalid, 1986).

Secara ringkasnya, tinjauan literatur di atas dapat diperhatikan dalam rajah berikut:

Emosi Sedih	Prosedur Terjemahan	al-Manfaluti	Novel Majdulín
- Definisi Kamus Dewan Edisi Keempat - Definisi Kamus al-Khalil - Kajian berkaitan emosi (Azhar & Norwadatul) - Pandangan sarjana muslim (Imam al-Ghazali, Ibn Miskawayh, Aidh al-Qarni, Yusuf al-Qaradawi) - Ayat al-Qur'an berkaitan emosi sedih	- Terjemahan langsung (Peminjaman, Pinjam Terjemah, Terjemahan Literal) - Terjemahan langsung (Peminjaman, Pinjam Terjemah, Terjemahan Literal) - Terjemahan tidak langsung (Transposisi, Modulasi, Persamaan, Adaptasi) - merujuk Vinay & Darbelnet serta Idris Mansor	- sasterawan Arab Mesir - lahir 1876 - antara karyanya (Majdulín, al-Nazarat & al-Abarat) - merujuk Shawqi Dayf & Sa'id Baabdullah)	- ringkasannya (percintaan dua insan Majdulín dan Steven terhalang oleh keluarga kerana kelaziman adat) - merujuk al-Manfaluti, Osman Haji Khalid serta terjemahan Majdulín oleh Adli Yaacob)

Rajah 1: Ringkasan Tinjauan Literatur

Sumber: (Dapatan Kajian ini berkaitan Tinjauan Literatur)

Objektif Kajian

Artikel ini bertujuan menganalisis terjemahan Melayu berkaitan emosi sedih yang terdapat dalam novel Majdulín karya al-Manfaluti.

Metod Kajian

Artikel ini berteraskan kajian kualitatif dan analisis deskriptif serta bandingan antara teks sumber dengan teks terjemahan. Sumber data kajian adalah tujuh petikan teks terpilih berkaitan dengan emosi sedih dalam novel Majdulín karya Mustafa Lufti al-Manfaluti serta terjemahan Melayunya oleh Adli Yaacob. Artikel ini berteraskan analisis deskriptif serta analisis bandingan antara teks sumber dengan teks terjemahannya. Analisis ini memanfaatkan pandangan sarjana Islam berkenaan emosi sedih serta prosedur terjemahan Vinay & Darbelnet.

Analisis Dapatan dan Perbincangan

Tujuh petikan teks sumber berkaitan emosi sedih dalam novel Majdulín serta terjemahannya telah dipilih untuk analisis dan perbincangan.

Jadual 1: Sampel Pertama Teks Sumber dan Teks Terjemahannya

Teks Sumber	Teks Terjemahan
وأوصيكم جميعاً ألا تحزنوا على موتي، فإنني وإن قضيت حياتي شقيّاً فها أنتم أولاء ترون الآن أنني أموت بينكم سعيداً، وكان هذا آخر ما نطق به، ثم أسلم روحه.	Aku wasiatkan kepada kalian agar tidak bersedih atas kematianku. Walaupun hidupku penuh kesengsaraan, tetapi lihatlah sekarang matiku penuh dengan kebahagiaan. Kemudian roh meninggalkan jasadnya.

Sumber: (Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti (2017) & terjemahan Majdulin oleh Adli Yaacob (2020))

Emosi sedih jelas dapat dilihat pada ayat teks sumber bahasa Arab dalam Jadual 1. Kesedihan dalam ayat ini berkaitan dengan kematian dan kesengsaraan hidup. Di sini dapat diperhatikan beberapa perkataan atau frasa bahasa Arab yang ada kaitannya dengan emosi kesedihan. Perkataan *تحزنوا* dalam bentuk kata kerja berasal dari kata *حزن* (kesedihan). Ia diterjemahkan secara literalnya dalam teks terjemahan kepada perkataan Melayu “bersedih” dalam bentuk kata kerja. Perkataan *موت* dalam frasa *موتي* pula dari penggolongan kata nama terbitan. Frasa ini diterjemahkan secara literalnya dalam teks terjemahan kepada perkataan Melayu “kematianku”, perkataan “kematian” adalah dalam bentuk kata nama terbitan. Frasa *أسلم روحه* secara literalnya bermakna “Dia menyerahkan rohnya”. Dalam teks terjemahan ia telah diterjemahkan kepada “Roh meninggalkan jasadnya”. Dalam konteks ini, boleh dikatakan bahawa prosedur modilasi berlaku dalam terjemahan tersebut.

Antara perkara menarik yang dapat diperhatikan ialah penggunaan unsur antonim dalam teks tersebut. Terdapat dua perkataan yang membawa makna berlawanan iaitu *حزن* dan *السعادة* yang dilihat menerusi penggunaan *تحزنوا* dan *سعيداً*. *حزن* bermaksud “kesedihan” manakala *السعادة* bermaksud “kebahagiaan” (rujuk Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2015, hlm.434&1133). Pertembungan dua unsur ini secara tidak langsung menonjolkan lagi emosi sedih yang ingin disampaikan oleh penulis. Kedua-dua perkataan dalam teks sumber ini diterjemahkan secara literal kepada “bersedih” dan “kebahagiaan” yang turut memperlihatkan unsur pertembungan antara dua emosi.

Daripada aspek sintak ayat uslub berkaitan fungsi ayat larangan, partikel *لا* yang membawa maksud larangan diterjemahkan secara literal dengan perkataan “tidak”. Larangan ini dilihat akan menjadi lebih jelas dengan penggunaan perkataan seperti “jangan” atau “usah”. Bagaimanapun secara keseluruhannya makna larangan dapat difahami dalam terjemahan ayat ini dengan gabungan frasa “Aku wasiatkan agar tidak”.

Didapati bahawa emosi sedih dalam teks sumber telah berjaya diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan baik. Kesedihan dalam teks sumber yang dirasakan oleh pembaca bahasa sumber diyakini dapat dirasai juga oleh pembaca bahasa sasaran menerusi teks terjemahan.

Dalam berdepan dengan kesengsaraan hidup dan kematian Islam menganjurkan agar bersabar. Dalam teks ini turut dapat dilihat seruan agar tidak bersedih dengan kematian.

Jadual 2: Sampel Kedua Teks Sumber dan Teks Terjemahannya

Teks Sumber	Teks Terjemahan
فويل لي! ما أشقاني! وما أسوأ حظي! لقد قُدر لي أن أقتل بيدي جميع الذين يحبوني على ظهر الأرض، وأن أبقى من بعدهم شقيًا معذبًا أبكيهم وأندبهم، لا أستطيع أن أنساهم، ولا يُقَيِّضُ لي أن ألحق بهم.	Celakalah aku! Betapa buruknya nasibku. Aku ditakdirkan untuk membunuh semua orang yang mencintaiku di dunia dengan tangan sendiri. Setelah pemergian mereka, aku sengsara dan terseksa meratapi mereka. Aku tidak dapat melupai mereka dan tidak diberi kesempatan untuk menyusuli mereka.

Sumber: (Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti (2017) & terjemahan Majdulin oleh Adli Yaacob (2020))

Emosi sedih dapat dilihat pada teks sumber bahasa Arab dalam Jadual 2. Kesedihan dalam ayat ini berkaitan dengan nasib yang dianggap buruk menimpa diri serta kehilangan orang tersayang. Di sini dapat diperhatikan beberapa ayat bahasa Arab yang ada kaitannya dengan emosi kesedihan. Tiga ayat iaitu *فويل لي! ما أشقاني! وما أسوأ حظي!* memberikan makna kekesalan terhadap apa yang telah berlaku, sekaligus membawa kepada maksud kesedihan. Ketiga-tiga ayat ini diterjemahkan dalam teks terjemahan kepada dua ayat iaitu “Celakalah aku!” dan “Betapa buruknya nasibku”. Di sini dilihat terdapatnya prosedur pengurangan atau pengguguran dalam terjemahan tersebut. Bagaimanapun maksud kekesalan tersebut secara umumnya dapat disampaikan menerusi dua ayat terjemahan itu. Ini kerana ayat *فويل لي!* dan ayat *ما أشقاني!* boleh diterjemahkan kepada satu ayat sahaja iaitu “Celakalah aku!”. Selain itu unsur kesedihan juga dapat dilihat menerusi penggunaan frasa *معذبًا أبكيهم* yang diterjemahkan secara literalnya dalam teks terjemahan kepada “terseksa meratapi mereka”. Perkataan *أبكي* adalah kata kerja kepada perkataan *البكاء* yang bermaksud “tangisan” atau “ratapan” manakala perkataan *معذبًا* dalam bentuk kata nama objek pula berasal daripada perkataan *عذب* yang bermaksud (azab atau siksa) (rujuk Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2015, hlm.164&1524). Terjemahan *أبكي* kepada “meratapi” bukan sahaja sesuai daripada segi makna bahkan ia juga mempunyai persamaan daripada segi penggolongan perkataan kerana kedua-duanya adalah daripada klasifikasi kata kerja. Persamaan ini juga dapat dilihat antara perkataan *معذبًا* dengan terjemahannya “terseksa” yang membawa maksud kata nama objek.

Daripada aspek sintak ayat uslub berkaitan fungsi ayat takjub, ayat *ما أسوأ حظي!* diterjemahkan kepada “Betapa buruknya nasibku”. Terjemahan ini dilihat sesuai dan berjaya menyampaikan makna fungsi ayat takjub kerana ayat ini terdiri daripada struktur ayat takjub bahasa Melayu. Penggunaan perkataan “Betapa” dalam konteks ini juga sesuai dengan fungsi takjub yang ingin disampaikan dalam ayat sumber menerusi *sighah* *ما أفعل*.

Maka didapati bahawa emosi sedih dalam teks sumber telah dapat diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan baik. Kesedihan dalam teks sumber turut dapat dirasai juga oleh pembaca bahasa sasaran menerusi teks terjemahan.

Dalam berdepan dengan takdir dalam kehidupan khususnya dalam menghadapi kehilangan insan yang disayangi, kita seharusnya redha walaupun sedih. Tindakan meratapi dan menyesali pemergian insan tersayang hingga merasa terseksa tidak harus dicontohi.

Jadual 3 : Sampel Ketiga Teks Sumber dan Teks Terjemahannya

Teks Sumber	Teks Terjemahan
قال: لا يذكرني إلا بشيء واحد، وهو أني شهدت فيه ذلك المشهد الذي فجعني في جميع أمني وآمالي، وقتل قلبي قتلة لم يحي من بعدها حتى اليوم	Steven menjawab, “Tempat ini tidak mengingatkan apa-apa kecuali satu perkara. Aku melihat pemandangan yang meruntuhkan segala cita-cita, memusnahkan segala harapan dan membunuh hati aku hingga tidak dapat hidup lagi sampai hari ini.”

Sumber: (Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti (2017) & terjemahan Majdulin oleh Adli Yaacob (2020))

Emosi sedih dapat dilihat pada teks sumber bahasa Arab dalam jadual 3. Kesedihan dalam ayat ini berkaitan dengan harapan yang musnah dalam kehidupan. Di sini dapat diperhatikan beberapa ayat bahasa Arab yang ada kaitannya dengan emosi kesedihan. Dua ayat iaitu *فجعني* dan *قتل قلبي قتلة* memberikan makna harapan yang musnah terhadap apa yang telah berlaku, sekaligus membawa kepada maksud kesedihan. Kedua-dua ayat ini diterjemahkan dalam teks terjemahan kepada dua ayat iaitu “meruntuhkan segala cita-cita” dan “membunuh hati aku”. Di sini dilihat terdapatnya prosedur pengurangan atau pengguguran dalam terjemahan ayat kedua iaitu pengguguran terjemahan perkataan “قتلة”. Selain itu, penggunaan beberapa perkataan yang sering dikaitkan dengan unsur kesedihan juga dapat dilihat. Antaranya menerusi penggunaan perkataan *قلب* yang diterjemahkan secara literalnya dalam teks terjemahan kepada “hati” (rujuk Abu Abdullah Hanafi bin Dollah, 2006, hlm.515).

Daripada aspek sintak ayat uslub berkaitan fungsi ayat pengecualian, didapati bahawa ayat uslub istisnak (pengecualian) *لا يذكرني إلا بشيء واحد* diterjemahkan kepada “Tempat ini tidak mengingatkan apa-apa kecuali satu perkara.”. Terjemahan ini dilihat sesuai dan berjaya menyampaikan makna fungsi ayat pengecualian kerana ayat ini terdiri daripada struktur ayat bahasa Melayu yang sesuai dalam menyatakan makna pengecualian. Penggunaan perkataan “kecuali” dalam konteks ini juga sesuai dengan fungsi pengecualian yang ingin disampaikan dalam ayat sumber. Satu perkara lagi yang dapat diperhatikan di sini ialah unsur penjelasan dalam terjemahan iaitu kata ganti nama ketiga *هو* yang terkandung dalam perkataan *يذكرني*. Kata ganti nama ini tidak diterjemahkan kepada kata ganti nama “ia” atau “dia” dalam bahasa Melayu sebaliknya diperjelaskan dengan penggunaan kata nama yang asal dalam konteks ini iaitu perkataan “tempat”. Ini dilihat sebagai satu bentuk terjemahan yang sesuai dan baik kerana ia dapat membantu pembaca untuk memahami makna yang ingin disampaikan dengan lebih jelas.

Secara umumnya didapati bahawa emosi sedih dalam teks sumber telah dapat diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan baik. Kesedihan dalam teks sumber yang dirasakan oleh pembaca bahasa sumber turut dapat dirasai juga oleh pembaca bahasa sasaran dalam konteks terjemahan ini.

Sebagai hamba Allah, dalam berdepan dengan harapan yang musnah dalam kehidupan, kita tidak seharusnya putus asa dengan kehidupan. Kita sebaliknya hendaklah sentiasa berusaha dan sentiasa mengharapkan pertolongan dari Allah.

Jadual 4 : Sampel Keempat Teks Sumber dan Teks Terjemahannya

Teks Sumber	Teks Terjemahan
الوداع يا «استيفن»، الوداع يا أحب الناس إليّ، إنني أفارق هذه الحياة وأنت آخر من أفكر فيه، وكل ما أسف عليه، فاذكري ولا تنسني، وتعهّد بالزيارة قبري من حين إلى حين، إن كان مقدراً لي أن يكون لي قبرٌ على ظهر الأرض، واحتفظ بالوديعة التي أودعتك إياها، فهي تذكاري الدائم المقيم عندك،	Selamat tinggal, Steven. Selamat tinggal, orang yang paling kucintai. Aku meninggalkan kehidupan ini dan kamulah orang yang sangat aku sayangi dan selalu aku fikirkan. Semoga kamu sentiasa mengingatkan dan janganlah lupai aku. Kunjungilah pusaraku jika aku ditakdirkan mempunyai pusara di dunia ini. Jagalah amanahku kerana itulah kenangan yang abadi buatmu.

Sumber: (Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti (2017) & terjemahan Majdulin oleh Adli Yaacob (2020))

Emosi sedih dapat dilihat pada teks sumber bahasa Arab dalam jadual 4. Kesedihan dalam ayat ini berkaitan dengan perpisahan dengan orang tersayang akibat maut yang bakal mendatang. Di sini dapat diperhatikan beberapa perkataan atau frasa bahasa Arab yang ada hubungannya dengan emosi kesedihan. Antaranya dua ayat iaitu الوداع يا «استيفن»، الوداع يا أحب الناس إليّ، and أفارق هذه الحياة memberikan makna kesedihan terhadap apa perpisahan yang bakal berlaku, sekaligus membawa kepada maksud kesedihan. Kedua-dua ayat ini diterjemahkan dalam teks terjemahan kepada dua ayat iaitu “Selamat tinggal, Steven. Selamat tinggal, orang yang paling kucintai” dan “Aku meninggalkan kehidupan ini”. Dalam terjemahan ayat pertama, didapati ucapan الوداع yang secara literalnya dalam bahasa sasaran bermaksud “perpisahan” diterjemahkan kepada ucapan “Selamat tinggal”. Terjemahan ini adalah sesuai dengan budaya ucapan bahasa sasaran dalam konteks ayat ini, maka ia lebih mudah difahami oleh pembaca bahasa sasaran berbanding terjemahan literalnya iaitu “perpisahan”.

Daripada aspek sintak ayat uslub berkaitan fungsi ayat perintah, ayat وتعهد بالزيارة قبري diterjemahkan kepada “Kunjungilah pusaraku”. Terjemahan ini dilihat sesuai dan berjaya menyampaikan makna fungsi ayat perintah kerana ayat ini terdiri daripada struktur ayat perintah bahasa Melayu yang didahului dengan kata kerja imperatif “kunjungilah”. Ayat perintah واحتفظ بالوديعة pula diterjemahkan kepada “Jagalah amanahku”. Terjemahan ini juga dilihat sesuai dan berjaya menyampaikan makna fungsi ayat perintah kerana ayat ini terdiri daripada struktur ayat perintah bahasa Melayu yang didahului dengan kata kerja imperatif “jagalah”. Manakala ayat larangan لا تنسني pula diterjemahkan kepada “janganlah lupai aku”. Terjemahan ini juga dilihat sesuai dan berjaya menyampaikan makna fungsi ayat larangan dalam bahasa sasaran kerana ayat ini mengandungi perkataan “jangan” yang membawa maksud larangan.

Selain itu unsur kesedihan juga dapat dilihat menerusi penggunaan frasa قبري yang diterjemahkan secara literalnya dalam teks terjemahan kepada “pusaraku”.

Maka didapati bahawa emosi sedih dalam teks sumber telah dapat diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan baik. Kesedihan dalam teks sumber yang dirasakan oleh pembaca bahasa sumber turut dapat dirasakan juga oleh pembaca bahasa sasaran menerusi teks terjemahan.

Dalam menghadapi kehilangan insan yang disayangi kerana perpisahan kematian, kita seharusnya redha walaupun sedih. Setiap perkara baik yang menjadi amanah atau janji yang ditinggalkan haruslah dikotakan.

Jadual 5: Sampel Kelima Teks Sumber dan Teks Terjemahannya

Teks Sumber	Teks Terjemahan
قالت: إنك تقسو عليّ كثيراً يا «استيفن» ولو شئت لرحمتني وأشفقت عليّ.	Majdulin membalas, “Kamu sungguh kejam terhadapku, Steven. Jika kamu mengkehendaknya, kamu boleh untuk mengasihi dan menyayangiku.”

Sumber: (Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti (2017) & terjemahan Majdulin oleh Adli Yaacob (2020))

Emosi sedih dapat dilihat pada teks sumber bahasa Arab dalam jadual 5. Kesedihan dalam ayat ini berkaitan dengan layanan kasar yang diterima sehingga dianggap sebagai satu bentuk kekejaman dalam kehidupan. Di sini dapat diperhatikan frasa serta ayat bahasa Arab yang ada kaitannya dengan emosi kesedihan. Ayat iaitu *إنك تقسو عليّ كثيراً* memberikan makna layanan kasar berkali yang diterima, sekaligus membawa kepada maksud kesedihan. Frasa *تقسو عليّ* secara literalnya bermakna “engkau keras hati ke atasku”. Ayat ini diterjemahkan dalam teks terjemahan kepada “Kamu sungguh kejam terhadapku”. Terjemahan ini boleh dikatakan sesuai dengan konteks ayat khususnya apabila dilihat daripada segi hubungannya dengan ayat yang dating selepas itu iaitu *ولو شئت لرحمتني وأشفقت عليّ* yang diterjemahkan kepada “Jika kamu mengkehendaknya, kamu boleh untuk mengasihi dan menyayangiku”.

Ayat tersebut pula jika dilihat daripada aspek sintak bahasa Arab, ia adalah ayat syarat yang terdiri daripada partikel syart, frasa syarat dan frasa jawab syarat. Terjemahan ini daripada aspek struktur ayatnya, dilihat sesuai dan berjaya menyampaikan makna fungsi ayat syarat kerana ayat terjemahan ini turut terdiri daripada tiga unsur tersebut iaitu perkataan “Jika” yang merupakan partikel syarat, frasa syarat “kamu mengkehendaknya” dan frasa jawab iaitu “kamu boleh untuk mengasihi dan menyayangiku”. Ketiga-tiga unsur ini dilihat dapat membentuk ayat syarat yang sesuai dengan bahasa sasaran serta dapat menyampaikan makna penulis asal dengan jelas.

Maka didapati bahawa emosi sedih dalam teks sumber telah dapat diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan baik. Kesedihan dipercayai dapat dirasakan oleh pembaca bahasa sasaran menerusi teks terjemahan.

Dalam berdepan dengan layanan buruk yang diterima dalam kehidupan, kita seharusnya terus bersabar, sentiasa berusaha untuk memperolehi kebaikan dan sentiasa mengharapkan bantuan dari Allah.

Jadual 6: Sampel Keenam Teks Sumber dan Teks Terjemahannya

Teks Sumber	Teks Terjemahan
وظلت تقول في نفسها: قد كنت أبكي قبل اليوم فراقه، أما اليوم فقد أصبح ذلك الفراق قطيعة دائمة لا واصل لها، فمن لي بدموع تعيني عليها؟	Dia berkata kepada dirinya, “Dahulu, aku menangisi perpisahannya. Kini perpisahan itu adalah untuk selama-lamanya dan tidak akan ada pertemuan lagi. Siapakah yang dapat menyekatkan air mata ini hingga dapat membantu meringankan bebanku?”

Sumber: (Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti (2017) & terjemahan Majdulin oleh Adli Yaacob (2020))

Emosi sedih dapat dilihat pada teks sumber bahasa Arab dalam jadual 6. Kesedihan dalam ayat ini berkaitan dengan perpisahan dalam kehidupan khususnya perpisahan disebabkan kematian. Di sini dapat diperhatikan beberapa frasa bahasa Arab yang ada kaitannya dengan emosi kesedihan. Antaranya ayat iaitu *أما اليوم فقد أصبح ذلك الفراق قطيعة دائمة لا واصل لها* yang memberikan makna kesedihan akibat perpisahan. Ayat ini diterjemahkan dalam teks terjemahan kepada “Kini perpisahan itu adalah untuk selama-lamanya dan tidak akan ada pertemuan lagi.” Antara yang menarik dalam terjemahan ini ialah terjemahan frasa *الفراق قطيعة دائمة* kepada “Perpisahan itu adalah untuk selama-lamanya”. Sekiranya frasa ini diterjemahkan perkataan demi perkataan secara literal, maka ia akan menjadi “perpisahan yang terputus silaturahim yang kekal”. Terjemahan sebegini boleh menimbulkan kekeliruan dan menyukarkan pemahaman pembaca. Selain itu, terjemahan frasa *لا واصل لها* kepada “tidak ada pertemuan lagi” juga dianggap menarik dan sesuai serta mudah difahami pembaca sasaran. Sekiranya ia diterjemahkan perkataan demi perkataan secara literal, maka ia akan menjadi “tiada penyambung baginya” dan menyukarkan pembaca bahasa sasaran untuk memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis asal.

Dalam jadual ini, penggunaan beberapa perkataan yang sering dikaitkan dengan unsur kesedihan juga dapat dilihat. Antaranya penggunaan perkataan *الفراق* dan *دموع* yang diterjemahkan secara literalnya dalam teks terjemahan kepada “perpisahan” dan “air mata” (rujuk Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2015, hlm. 775 & 1761).

Daripada aspek sintak ayat uslub berkaitan fungsi ayat pertanyaan, terdapat ayat uslub *Istifham* (pertanyaan) iaitu *فمن لي بدموع تعيني عليها؟*. Ayat ini diterjemahkan dalam teks terjemahan kepada “Siapakah yang dapat menyekatkan air mata ini hingga dapat membantu meringankan bebanku?”. Penggunaan perkataan “siapakah” sebagai terjemahan kepada perkataan *من* adalah sesuai dan tepat. Ini kerana kedua-dua perkataan tersebut digunakan untuk pertanyaan yang menyentuh manusia ataupun *العاقل* (yang berakal) (al-Rajhi, 2000).

Secara umumnya didapati bahawa emosi sedih dalam teks sumber telah dapat diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan baik. Kesedihan dalam teks sumber yang dirasakan oleh pembaca bahasa sumber turut dapat dirasai juga oleh pembaca bahasa sasaran menerusi teks terjemahan.

Kita sebagai mukmin, dalam berdepan dengan perpisahan dalam kehidupan, seharusnya bersabar dan tidak putus asa untuk meneruskan kehidupan. Kita sebaliknya hendaklah terus meneruskan kehidupan dan mengharap pertolongan dari Allah. Sesungguhnya Allah itu adalah ‘kekasih sebenar’ yang menjadi tempat harapan kita.

Jadual 7 : Sampel Ketujuh Teks Sumber dan Teks Terjemahannya

Teks Sumber	Teks Terjemahan
فاستعبرت باكيةً ومدت يدها إليه ضارعة وقالت: أهذا كل ما بقي لي في قلبك يا «استيفن»	Majdulin semakin sedih dan menangis tersedu-sedu, lantas menghulurkan tangan kepada Steven dan menggengamnya, “inikah semua yang masih tersisa bagiku dalam hatimu, Steven?”

Sumber: (Majdulin karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti (2017) & terjemahan Majdulin oleh Adli Yaacob (2020))

Emosi sedih dapat dilihat pada teks sumber bahasa Arab dalam jadual 7. Kesedihan dalam ayat ini berkaitan dengan keadaan diri yang dipinggirkan dan perasaan tidak dihargai. Di sini dapat diperhatikan ayat dan frasa bahasa Arab yang ada kaitannya dengan emosi kesedihan. Antaranya ayat «استيفن» أهذا كل ما بقي لي في قلبك يا yang memberikan makna kesedihan akibat diri yang dipinggirkan dan tidak dihargai. Ayat ini diterjemahkan dalam teks terjemahan kepada “inikah semua yang masih tersisa bagiku dalam hatimu, Steven?”. Daripada aspek sintak ayat uslub berkaitan fungsi ayat pertanyaan, didapati bahawa penggunaan “inikah” sebagai terjemahan kepada frasa أهذا adalah sesuai dan tepat dengan makna perkataan tersebut serta fungsi pertanyaan yang ada padanya.

Selain itu, penggunaan beberapa perkataan yang sering dikaitkan dengan unsur kesedihan juga dapat dilihat. Antaranya menerusi penggunaan perkataan باكية dan قلب yang diterjemahkan secara literalnya dalam teks terjemahan kepada “menangis tersedu-sedu” dan “hati”. Menariknya, dalam terjemahan “menangis tersedu-sedu” dilihat terdapat unsur penambahan atau penjelasan yang sesuai dengan budaya bahasa sasaran. Perkataan باكية dalam bentuk kata nama pelaku secara literalnya bermaksud “seorang perempuan yang menangis”. Ia diterjemahkan kepada kata kerja berserta kata sifat “menangis tersedu-sedu” dan tidak diterjemahkan kepada klasifikasi yang sama iaitu kata nama pelaku sebagaimana dalam teks asasl. Di sini dilihat penggunaan prosedur transposisi dalam terjemahan.

Maka didapati bahawa emosi sedih dalam teks sumber telah dapat diterjemahkan ke bahasa sasaran dengan baik. Kesedihan dalam teks sumber yang dirasakan oleh pembaca bahasa sumber turut dapat dirasai juga oleh pembaca bahasa sasaran menerusi teks terjemahan.

Dalam berdepan dengan keadaan diri dipinggirkan insan tersayang dalam kehidupan, kita seharusnya menanamkan konsep bahawa Allah itu adalah ‘kekasih sebenar’ yang menjadi tempat harapan hakiki kita.

Kesimpulan, Cadangan dan Implikasi

Artikel ini telah mencapai objektifnya iaitu menganalisis terjemahan Melayu berkaitan emosi sedih yang terdapat dalam novel tersebut. Analisis mendapati terjemahan berkaitan emosi sedih yang digunapakai, secara umumnya dianggap berhasil dan sesuai dalam menterjemahkan makna dan emosi sedih yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Analisis turut mengenalpasti pelbagai perkataan, frasa serta ayat berkaitan dengan emosi sedih yang diterjemahkan dengan padanannya yang sesuai dalam bahasa Melayu. Turut didapati beberapa prosedur terjemahan yang dapat dilihat dalam terjemahan tersebut. Antaranya ialah prosedur literal, modulasi dan transposisi. Selain itu unsur pengguguran dalam terjemahan serta unsur terjemahan berkaitan

budaya juga dapat diperhatikan. Artikel ini juga mendapati bahawa ayat-ayat uslub dalam bahasa Arab dalam teks sumber telah diterjemahkan kepada bentuk atau struktur ayat yang sesuai dalam bahasa Melayu.

Memandangkan karya Majdulin ini sarat dengan unsur emosi yang dipersembahkan dalam bentuk struktur ayat yang memiliki nilai kesusasteraan yang tinggi maka dicadangkan agar kajian lanjut tentang terjemahan berkaitan keseluruhan unsur emosi yang ada dalam novel ini dapat dijalankan pada masa hadapan dengan lebih terperinci.

Dapatan berkaitan penggunaan emosi sedih dan bentuk terjemahan sebegini boleh dianggap penting untuk dimanfaatkan dalam usaha terjemahan karya sastera dari bahasa Arab ke bahasa Melayu, sekaligus membantu proses pemindahan pengetahuan dan pengalaman suatu bangsa kepada bangsa kita dan negara Malaysia secara umumnya. Pemahaman tentang pengetahuan, pengalaman serta emosi bangsa yang pelbagai dapat meningkatkan kehormatan dunia sejabat serta negara secara khususnya.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada sasterawan Mustafa Lutfi al-Manfaluti atas penghasilan karyanya Majdulin yang merupakan sampel kepada kajian ini. Turut dihargai usaha pihak penterjemah yang menterjemahkan karya tersebut ke bahasa Melayu tercinta.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

Abu Abdullah Hanafi bin Dollah. (2006). *Kamus al-Khalil*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Aidh `Abdullah al-Qarni. (t.th). *Laa Tahzan*. Maktabah al-Obeikan.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (t.th). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.

al-Rajhi, Abduh. (2000). *Al-Nahw al-Tatbiqi*. Iskandariah: Dar al-Ma`rifah al-Jami`iyyah.

Azhar Hj.Wahid & Nordiana Bt. Hamzah. (2013). Kajian Emosi Dalam Kesusasteraan Melayu: Sumbangan Kepada Penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 1(1), 21 - 40. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/97>

Goh Sang Seong. (2016). Proses Penterjemahan. In Haslina Haroon & Hasuria Che Omar (eds.) *Asas Terjemahan dan Interpretasi* (pp.19-38). Pulau Pinang: Penerbit USM.

Ibn Miskawayh, Abu Ali Ahmad bin Muhammad. (t.th). *Tahzib al-Akhlaq wa tathir al-A`raq*. Maktabah al-Thaqafah al-diniyyah.

Idris Mansor. (2016). Pendekatan Terjemahan. In Haslina Haroon & Hasuria Che Omar (eds.) *Asas Terjemahan dan Interpretasi* (pp.58-75). Pulau Pinang: Penerbit USM.

Kamus Besar Arab Melayu Dewan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustafa Lutfi al-Manfaluti. (2017). *Majdulin*. Muassasah Hindawi li al-Ta`lim wa al-Thaqafah.

Mustafa Lutfi al-Manfaluti. (2020). *Majdulin*. (Adli Yaacob, Trans.). Gombak: IIUM Press.

Norwardatun Mohamed Razali & Siti Mardhiyah Kamal Azhar. (2021). Mendepani Kesedihan Di Dalam Kehidupan: Solusi Menerusi Surah Yusuf A.S. Dalam *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*, 531-538. FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.

Nurhasma Muhamad Saad, Wan Moharani Mohammad, Muhammad Marwan Ismail, Yuslina Mohamed. (2022). Analisis Padanan Perkataan Al-Khianah dalam Terjemahan Melayu

- (Khianat) bagi Novel Al-Liss Wa Al-Kilab Karya Naguib Mahfouz. Dalam *Jurnal Pengajian Islam*. 15(2), 63–74. Retrieved from <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/213>
- Osman bin Haji Khalid. (1986). *Kesusasteraan Arab Di Zaman Abbasiyah, Andalus Dan Zaman Moden*. Muadzam Shah: DarulNadwah.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sa'id Baabdullah. (2017). *Al-Manfaluti al-Adib al-Hazin*. Retrieved from <https://www.aljazeera.net/blogs/2017/1/11/المنفلوطي-الأديب-الحزين>.
- Sayyid Qutb, Ibrahim Hussayn. (1412H). *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Shawqi Dayf. (1992). *Al-Adab al-Arabiyy al-Mu'asir fi Misr*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Vinay, Jean-Pail & Darbelnet, Jean. (1995). *Comparative Stylistics of French and English. A Methodology of translation* (Juan C. Sager & M.J.Hamel, Trans.). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company
- Yusuf Al-Qaradawi. *Al-Farh wa al-Huzn fi al-Qur'an*. Retrieved from <https://www.al-qaradawi.net/node/1106>